

Tawaran harga ^{SINAR} tarik minat ^{27/4/09} pengunjung ^{D-12 (NATIONAL)} datang berulang kali

KUALA LUMPUR - Tinjauan **Sinar Harian** di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur mendapati ramai di antara pengunjung yang berulang-kali mengunjunginya.

Menurut penuntut kursus kejururawatan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Siti Nur Izni Sheikh Mohd Amin, 21, berkata, dia amat teruja dengan kemeriahan pesta buku ini sehinggakan datang buat kali kedua.

kenal penulis

"Ini merupakan kali kedua kunjungan saya ke Pesta Buku Antarabangsa pada tahun ini. Apa yang menarik per-

hatian saya untuk datang sekali lagi pada hari terakhir pesta ini adalah disebabkan oleh gerai Kumpulan Karang kraf Sdn Bhd (Karang kraf) yang menyediakan pelbagai tawaran menarik kepada pengunjung," katanya.

Izni berkata, gerai Karang kraf merupakan gerai pertama yang akan disinggahi



● SITI NUR IZNI



● MOHD NASER



● NURUL AIN ROSLAN

setiap kali dia berkunjung ke Pesta Buku Antarabangsa kerana pelbagai tawaran yang disediakan.

Manakala bagi pelajar sebuah kolej swasta di Sungai Buloh, Nurul Ain Roslan, 19, pula berpendapat Karang kraf seharusnya menganjurkan lebih banyak lagi acara seumpama ini untuk terus memupuk dan menarik minat membaca di kalangan masyarakat terhadap penerbitannya.

"Saya amat berminat membaca bahan

terbitan Karang kraf terutamanya novel-novel yang diterbitkan oleh Alaf 21.

"Dengan adanya acara seperti ini, saya dapat berinteraksi dan mengenali penulis novel yang saya gemari dengan lebih dekat lagi," katanya.

Menurut Nurul Ain, dia akan terus menyokong usaha Karang kraf untuk memupuk minat membaca di kalangan masyarakat pelbagai peringkat umur dan sudah tentu tidak akan melepaskan peluang mengun-


jungu setiap acara yang dianjurkan.

Manakala, siswa dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Mohd Naser Mohd Sabri, 25, berkata, penerbitan berunsurkan agama yang dikeluarkan Karang kraf merupakan salah satu sebab dia sering memilih gerai ini setiap kali pesta buku.

"Selain tawaran yang menarik, bahan bacaan yang terdapat di gerai ini memenuhi cita rasa semua lapisan masyarakat," katanya.

Menurutnya, kunjungannya pada hari terakhir pesta buku ini adalah untuk mendapatkan harga buku dan majalah yang jauh lebih murah berbanding hari-hari sebelumnya.

"Saya sengaja datang pada hari terakhir pesta buku ini untuk mendapatkan harga buku dan majalah yang lebih murah. Sebelum ini, ada antara rakan-rakan saya yang telah datang ke pesta buku ini dan membuktikan saya berasa teruja untuk datang sendiri melihat sendiri," katanya.



● Antara pembaca yang berkunjung ke gerai Karang kraf.



● Kesyakan di gerai bukan halangan pengunjung mencari majalah kegemaran di gerai Karang kraf.